

Selasa – 10 Mac 2020

Halaman : 13

Nasional



Langkah mewujudkan nurseri di Pulau Kempas dapat menjana pendapatan tetap penduduk Temuan.



Program alam sekitar serta aktiviti sosial anjuran Gamuda Land memberi perubahan kepada penduduk Orang Asli.

Memperkasa Orang Asli Temuan

Inisiatif Gamuda Parks lestari landskap tanpa pinggiran Orang Asli

Oleh Nor Affizar Ibrahim
affizar@bh.com.my

Majoriti daripada masyarakat Orang Asli masih tinggal di kawasan hutan dan mengamalkan cara tradisional dan bergantung dengan sumber hutan.

Sememangnya, "Orang Asli dengan hutan tak boleh dipisah". Ini bermaksud, kehidupan harian Orang Asli amat bergantung dengan sumber hutan.

Justeru, bagaimana masyarakat dapat membantu Orang Asli supaya mereka tidak ketinggalan?

Masyarakat yang inklusif membantu orang ramai untuk memenuhi keperluan asasnya agar mereka dapat hidup dengan bermaruah, terabit secara aktif, dan menyumbang kepada kesejahteraan komuniti mereka.

Ini tidak terhad kepada orang tua, remaja, kanak-kanak, orang kurang upaya dan penduduk berpendapatan sahaja tetapi, termasuk juga Orang Asli.

Gamuda Land, melalui inisiatif Gamuda Parks, memulakan program mampan untuk memperkasa masyarakat Orang Asli Temuan di daerah Kuala Langat, yang menjadi sebahagian daripada komuniti yang besar di kawasan ini.

Program kesedaran dan pendidikan

Sejak 2018, Gamuda Parks memulakan pembabitan masyarakat dengan Orang Asli Temuan di Kuala Langat, dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti GEC dan Jabatan Perhutanan Selangor serta badan korporat BOH Plantation, yang khususnya dalam pemuliharaan hutan paya gambut, memulakan program kesedaran dan pendidikan ke arah pencegahan kebakaran gambut di kawasan mereka.

Program ini termasuk berkongsi pengetahuan mengenai fungsi dan nilai Hutan Simpan Kuala Langat Utara dalam kalangan Orang Asli Temuan dan pelajar sekolah untuk mengekalkan dan memulihara secara mampan demi kelangsungan ekosistem hutan paya gambut.

Khariza Abd Khalid yang mengetuai operasi Gamuda Parks, berkata Hutan Simpan Kuala Langat Utara adalah sejenis hutan paya gambut dengan hidrologi unik yang menyediakan penanaman kritis terhadap banjir ketika musim hujan.

"Namun, ia menakung air hujan ketika musim tengkujuh bagi mengelak banjir dan disah ketika musim panas bagi melembapkan kawasan yang kering berisiko terbakar."

Memandangkan perubahan menghasilkan lebih banyak kesan ekstrem seperti kemarau panjang dan taburhan hujan yang tidak teratur, perkhidmatan ekosistem ini menjadi lebih kritis," jelasnya.

Sebagai kemajuan program, Sahabat Hutan Gambut Kuala Langat Utara (SHGKLU), dibentuk dalam kalangan Orang Asli dari



Sahabat Hutan Gambut Kuala Langat Utara adalah salah satu cara untuk mengekalkan komuniti Orang Asli di sini, kerana ia memberi mereka peluang pekerjaan.

Pada masa sama, bengkel bertemakan hutan paya gambut dan kem sekolah juga diadakan untuk kanak-kanak.

**Khariza Abd Khalid,
Ketua operasi
Gamuda Parks**

dua kampung iaitu Kampung Bukit Cheeding dan Kampung Pulau Kempas.

SHGKLU adalah kumpulan komuniti setempat (sukarelawan) yang peka, prihatin dan bekerjasama dalam usaha memulihara, merancang dan mengurus persekitaran mereka ke arah pembangunan yang lestari.

Pemantau SHGKLU bertanggungjawab untuk mengesan tanda awal kebakaran tanah gambut sebagai langkah pencegahan.

"SHGKLU adalah salah satu cara untuk mengekalkan komuniti Orang Asli di sini, kerana ia memberi mereka peluang pekerjaan," kata Khariza.

Pada masa sama, bengkel bertemakan hutan paya gambut dan kem sekolah juga diadakan untuk kanak-kanak.

Program

Untuk membantu Orang Asli, penanaman semula hutan adalah penting kerana hutan bukan sahaja rumah mereka tetapi juga cara mereka untuk menambah pendapatan.

Sehingga kini, program dibawah Gamuda Parks dan BOH Plantation dengan kerjasama GEC & JPNS telah memuliharkan lebih dari 10 ha kawasan terosot di hutan itu.

"Pada masa yang sama, program ini juga meneliti penyelenggaraan parit dan pemantauan kualiti air di kawasan ini," kata Khariza.

Program ini juga menyokong penumbuhan tapak semaihan asli di Pulau Kempas yang menghasilkan kira-kira 10,000 anak pokok spesies Tenggek Burung (Melicope lunu-ankenda) dan lain-lain spesies ini untuk aktiviti penanaman

pokok Hutan Simpan Kuala Langat Utara.

Pendapatan mampan untuk Orang Asli Temuan

Pendapatan utama Orang Temuan diperolehi daripada hasil hutan seperti tumbuh-tumbuhan herba seperti bemban dan pandanus yang juga sebagai bahan tenunan bagi pembuatan barang kraf tangan untuk dijual.

Untuk menyokong program ini, Gamuda Land akan membeli 2 peratus daripada spesies Melicope lunu-ankenda dari tapak semaihan di Pulau Kempas untuk landskap dalam pembangunan Gamuda Co-

"Inisiatif kami sejak dua tahun yang lalu mendapat sokongan baik dari masyarakat. Ia menguatkan semangat kami untuk meneruskan usaha di sini terutama dengan anak Orang Asli.

"Masih banyak yang harus dilakukan terutama dari segi pendidikan, yang mana Gamuda Parks sedang menjalankan program pilot Farm to Mouth di Sekolah Kebangsaan Asli Bukit Cheeding untuk mewujudkan kebun sayur organik di kawasan sekolah."

"Idea ini adalah untuk mendidik pelajar mengenai sumber makanan mereka, memberi inspirasi kepada mereka untuk makanan sihat dan menggalakkan pembelajaran di luar bilik darjah," kata Khariza.

Katanya, pasukan Gamuda Parks diilhamkan untuk terus bekerja dengan Orang Asli Temuan melalui kerjasama GEC supaya lebih banyak program berorientasikan kesejahteraan masyarakat dan alam sekitar dilaksanakan.